

MUSA KE PERAK BERI TAKLIMAT PINDAAN

IPOH, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, akan memberi taklimat mengenai pindaan perlembagaan kepada Jawatankuasa Perhubungan Umno Perak di Pejabat Umno Negeri, Sabtu ini.

Belliau yang juga Ketua Perhubungan Umno Perak, dijangka memberi penjelasan lengkap mengenai isu pindaan perlembagaan itu yang kini hangat dibincangkan, kepada 21 orang ketua Umno Bahagian di negeri Perak.

Datuk Musa Hitam melawat Perak untuk merasmikan kursus politik Pemuda Umno Malaysia di Pulau Mentimun, Sungai Siput.

Berita Harian difahamkan beberapa buah bahagian Umno di negeri ini menyokong pindaan itu.

Difahamkan, Datuk Musa juga akan diberi taklimat mengenai persiapan jentera pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup.

Menteri Besar, Encik Ramli Ngah Talib, hari ini menganggap mesyuarat itu sebagai mesyuarat biasa sahaja.